

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sudah tiba masanya pemantauan pihak berkuasa lebih difokuskan kepada pihak majikan, pengusaha mahupun pengurusan sektor yang dibenarkan beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pakar Virologi Universiti Malaya, Prof Dr Sazaly Abu Bakar (*gambar*) berkata, langkah itu bagi memastikan pematuan prosedur operasi standard (SOP) selain mengurangkan kadar jangkitan berpunca daripada sektor pekerjaan.

"Buat apa saja termasuk naikan kompaun, tetapi tidak akan jadi apa kerana isunya kita lihat sekarang ini, penularan banyak berlaku di tempat kerja contohnya sektor tapak pembinaan, kilang dan sebagainya sebelum ia menyumbang kepada penularan dalam komuniti.

Fokus majikan sektor dibenar beroperasi

Kerajaan disaran lancar saringan menyeluruh di tempat kerja

"Punca penularan sudah tentu kerana pekerja ramai hingga menyukarkan penjarakan fizikal dijamin."

"Jadi, pemantauan pihak berkuasa bukan lagi perlu fokus kepada orang ramai, tetapi penekanan lebih kepada pengusaha dan majikan sektor terbabit kerana mereka harus bertanggungjawab memastikan tiada penularan di tempat mereka menyumbang kepada kes dalam komuniti," katanya kepada Harian Metro.

Belliau mengulas berkaitan pelaksanaan PKP 2.0 yang dilihat seolah-olah longgar berbanding PKP 1.0 pada Mac tahun lalu.

Menurutnya, strategi sa-

ringan bersasar pada masa ini perlu diubah kepada saringan menyeluruh di semua sektor berkenaan.

"Bagi saya, kalau hendak lanjutkan PKP, kita perlu perketat kawalan pergerakan pekerja di sektor ini kerana kita bimbang yang tidak bergejala ini akan memberi masalah.

"Jadi semua sektor terbabit perlu disaring secara menyeluruh bukan lagi bersasar, tidak kira ada kes atau tidak seperti dipraktikkan Singapura.

"Langkah ini lebih berkesan dan menjimatkan masa kerana kita pantas mengasingkan mereka yang positif sebelum jangkitan tersebar

dalam komuniti," katanya.

Beliau berkata, pengaliran udara mencukupi dan sesuai perlu ditekankan selain penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka yang betul.

Menurutnya, penularan berlaku di sesuatu tempat, misalnya di pasar kerana penjarakan fizikal kurang, pemakaian pelitup muka tidak betul dan tidak cukup pengaliran udara.

Katanya, justeru aspek berkenaan perlu ditekankan dan memastikan aliran udara mencukupi terutama di tempat pembekuan dan ais kerana ia membuatkan virus bertahan lebih lama.

Dalam pada itu, Dr Sazaly menyarankan, saringan ko-

kan ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) yang mahal mencecah antara RM200 ke RM300 untuk sekali saringan saja.

"Kalau boleh saya galakan strategi baru iaitu kerajaan edar RTK-Ag kepada ketua komuniti terjejas sebelum diedarkan rumah ke rumah untuk mereka buat saringan sendiri.

"Jika positif baru kita sahkan di makmal tidak perlu lagi petugas kesihatan datang buat saringan kerana kita kurang petugas barisan hadapan," katanya.

muniti untuk kes dikenal pasti dilakukan sendiri menggunakan kit Ujian Rapid Antigen (RTK-Ag).

"Bagi komuniti, kita sasar saringan menyeluruh di kawasan terjejas dengan menggunakan RTK-Ag kerana ia lebih murah kira-kira RM45 dan saringan boleh dibuat tiga kali berturut-turut.

"Ia berbeza jika dibanding-

“
Semua sektor
terbabit perlu
disaring secara
menyeluruh
Dr. Sazaly

